

Isnin, Mei 09, 2016

MENGENAI KAMI PENYELIDIKAN AKADEMIK JARINGAN ANTARABANGSA KEHIDUPAN KAMPUS PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

UPM dipilih tuan rumah Hari Belia Negara 2016



Oleh: Noor Eszreen Juferi

Foto: Mohd Hasrul Hamdan

SERDANG, 26 April – Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih sebagai tuan rumah bagi menganjurkan Hari Belia Negara 2016 oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang bertemakan "Showcase of Talent" pada 15 Mei ini.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata penganjuran Hari Belia Negara 2016 adalah untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada golongan belia atas sumbangan mereka dalam pembangunan negara.

"Program ini diharapkan dapat memberi inspirasi kepada golongan belia untuk lebih kreatif dan produktif dan penganjuran kali ini akan memperlihatkan penglibatan daripada golongan pelajar universiti terutamanya pelajar UPM," katanya.



Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Paduka Dr. Aini Ideris berkata pemilihan UPM oleh KBS sebagai lokasi utama acara kemuncak Hari Belia Negara 2016 merupakan satu amanah bagi memastikan kelancaran dalam mengadakan 20 aktiviti yang akan berlangsung sepanjang hari.

"Pemilihan UPM juga pasti membanggakan seluruh warga universiti awam di negara kita, dan penglibatan pelajar akan memastabatkan pembangunan belia di negara bagi menyerlahkan potensi serta kemahiran yang dimiliki oleh generasi muda pada masa kini," katanya.

Antara program yang akan dijalankan ialah Konvensyen Belia 2016, Warna-warni Belia, GOV.my Mobile dan Anugerah Perdana Belia Negara. Selain itu, program Jelajah Kampus Rakan Muda dengan enam siri jelajah juga akan diadakan sebagai acara sokongan kepada Hari Belia Negara.

Sementara itu, pelaksanaan Minggu Belia bermula daripada 9 hingga 14 Mei 2016 di seluruh negara bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Belia Negara 2016. - UPM